

Pihak sekolah amat menghargai komitmen tuan puan terhadap pendidikan anak-anak dan sentiasa memastikan yuran anak-anak dijelaskan sebelum tamat tempohnya.

Kemudahan **BAYARAN ATAS TALIAN melalui sistem ASIS** yang diperkenalkan oleh Pusat Pendidikan Al-Ikram ini bertujuan untuk memudahkan kedua pihak agar rekod pembayaran lebih terjamin.

Polisi ini bertujuan untuk memudahkan urusan tuan puan dan pihak sekolah dalam usaha memperkemas sistem pembayaran yuran agar pendidikan anak-anak di sekolah ini dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan. Sekolah berharap tuan puan sentiasa bersama memahami dan menyokong misi dan visi sekolah ke arah melahirkan generasi rabbani

Semoga Allah sentiasa membantu kita dan memberkati pengorbanan tuan puan sepanjang persekolahan anak-anak di Pusat Pendidikan Al-Ikram ini.

Yang menjalankan amanah,

MOHAMAD BIN ABDUL RAHMAN

Ketua Pegawai Eksekutif,
Pusat Pendidikan Al-Ikram

POLISI YURAN SEKOLAH SEKOLAH MENENGAH ISLAM AL-IKRAM, SEK RENDAH ISLAM AL-IKRAM DAN TADIKA ISLAM AL-IKRAM PUSAT PENDIDIKAN AL-IKRAM TASEK GELUGOR , SEBERANG PERAI UTARA, PULAU PINANG	No Dokumen	JPS 002
	Tarikh Akhir Semakan	JULAI 2021
	Tarikh Kuatkuasa/ Sah	

POLISI YURAN SEKOLAH

Mulai 2022, satu dokumen *Memorandum Of Understanding (MOU)* perlu ditandatangani oleh semua waris pelajar.

1	Pembayaran yuran adalah melalui aplikasi ASIS secara atas talian sahaja
2	Bayaran pendaftaran bagi murid lama untuk sesi baru adalah sebelum atau pada 20hb Disember. Jika ibu bapa/penjaga gagal berbuat demikian, nama murid tidak didaftarkan ke dalam senarai kelas.
3	Bayaran pendaftaran bagi murid baru , perlu dibayar sebelum atau pada hari pendaftaran seperti yang ditetapkan oleh pihak sekolah. Jika ibu bapa/penjaga gagal berbuat demikian, nama murid tidak didaftarkan ke dalam senarai kelas.
4	Resit rasmi boleh disemak dan dicetak melalui sistem ASIS.
5	Yuran Pengajian sepatutnya/hendaklah dibayar setahun. Walau bagaimanapun, ibu bapa/penjaga dibenarkan membayar secara bulanan tanpa tertunggak sebelum 5hb untuk bulan berkenaan. Diskaun potongan yuran Disember 2022 akan diberikan kepada murid yang membayar Yuran Pengajian setahun semasa pendaftaran atau selewatnya pada bulan Januari sesi baru .
6	Yuran Pengajian bagi murid WARGA-LUAR hendaklah dibayar setahun atau sentiasa 3 bulan awal (Bayar yuran pertama hingga ketiga semasa pendaftaran, yuran keempat dan seterusnya MESTI dibayar mulai bulan Januari berturutan hingga September)
7	Ibu bapa/penjaga yang memilih untuk membayar Yuran Pengajian secara bulanan, hendaklah membayar selewatnya pada 5hb bulan semasa . Kelewatan bayaran adalah dikira sebagai YURAN TERTUNGGAK . Tindakan terhadap mereka yang mempunyai tunggakan yuran adalah seperti berikut:

	<p>7.1 Peringatan melalui SMS – jika sebulan tertunggak.</p> <p>7.2 Jika 2 bulan tertunggak, peringatan untuk membuat bayaran melalui SMS dalam tempoh 7 hari. Jika tiada bayaran yang dibuat, notis tahan murid melalui surat, SMS, emel dihantar dengan memberi tempoh 7 hari sebelum penahanan sebenar dibuat. Selain daripada penahanan murid, kes hutang tertunggak boleh diserahkan kepada peguam.</p> <p>7.3 Jika ibu bapa/penjaga ingin memberhentikan pembelajaran anaknya kerana tunggakan yuran, dokumen yang berkaitan seperti Sijil Berhenti Sekolah dan dokumen yang berkaitan tidak akan dikeluarkan sehingga tunggakan yuran selesai.</p> <p>7.4 Bagi kes penahanan murid (rujuk 7.2) dan permohonan berhenti (rujuk 7.3), cara penyelesaian hanyalah dengan membayar penuh tunggakan yuran.</p>
8	<p>Notis peringatan status yuran tertunggak terakhir untuk tahun semasa akan dikeluarkan kepada ibu bapa/penjaga yang berkenaan pada bulan November. Murid yang tidak selesai bayaran yuran tahun semasa tidak dibenarkan meneruskan pengajiannya untuk sesi baru serta boleh dikenakan tindakan undang-undang.</p>
9	<p>Pembatalan kemasukan atau pendaftaran atau urusan keluar sekolah adalah seperti berikut :</p> <p>9.1 Sebelum sesi persekolahan bermula, 9.1.1 Yuran Kemasukan tidak dikembalikan.</p> <p>9.2 Setelah sesi persekolahan bermula, 9.2.1 Yuran Kemasukan dan Yuran Pendaftaran tidak akan dikembalikan. 9.2.2 Yuran selain di 9.2.1 akan dikembalikan ikut penggal/semester, kecuali Yuran PIBG dan sumbangan wakaf pembangunan.</p> <p>9.3 Murid yang masuk selepas 5 hb pada bulan pertama persekolahan perlu membayar yuran penuh seperti pelajar-pelajar lain. Sekiranya pelajar tersebut masuk selepas 15 hb pada bulan pertama persekolah, hanya yuran bulanan pada bulan berkenaan dikurangkan sebanyak 30%. Lain-lain yuran adalah sama.</p> <p>9.4 Pelajar yang keluar selepas 5hb pada bulan semasa, masih perlu menjelaskan yuran bulanan secara penuh untuk bulan berkenaan.</p> <p>9.5 Yuran Pengajian perlu dibayar setahun penuh. Sekiranya murid berhenti setelah tamat silibus yang sepatutnya atau selepas mengambil peperiksaan akhir tahun atau peperiksaan utama, baki yuran pengajian dan yuran-yuran tertunggak yang lain mesti diselesaikan.</p>

10	<p>Bagi murid yang sakit atau cuti berpanjangan, jika ibu bapa/penjaga masih berminat untuk meneruskan persekolahan samada ditahun semasa atau seterusnya, Yuran Pengajian perlu terus dibayar.</p> <p>Jika sebaliknya, mereka perlu berhenti dan mendaftar baru jika ingin kembali ke sekolah. Walau bagaimanapun, penerimaan untuk mendaftar adalah bergantung kepada kekosongan tempat belajar.</p>
11	<p>Yuran asrama (SMI Al-Ikram)</p> <p>11.1 Murid yang ada tunggakan yuran (samada yuran asrama atau yuran pengajian atau yuran persekolahan), tidak layak mohon masuk asrama.</p> <p>11.2 Yuran asrama hendaklah sentiasa dibayar sebelum 5 hb , bulan berkenaan</p> <p>11.3 Yuran bulanan asrama adalah termasuk yuran makanan yang disediakan oleh pihak asrama. Semua pelajar wajib membayar yuran asrama secara penuh. Pemotongan yuran boleh dipertimbangkan atas kes-kes tertentu.</p> <p>11.5. Jika keluar asrama :</p> <p>11.5.1 Sebelum sesi persekolahan bermula :</p> <p>11.5.1.1 Yuran Pendaftaran akan dikembalikan sepenuhnya.</p> <p>11.5.2 Setelah sesi persekolahan bermula :</p> <p>11.5.2.1 Yuran Pendaftaran Asrama akan dikembalikan mengikut penggal/semester.</p> <p>11.5.2.2 Yuran Asrama : Murid yang masuk atau keluar asrama di mana-mana hari selepas 5hb bulan berkenaan masih perlu membayar penuh yuran asrama untuk bulan berkenaan.</p> <p>11.6 Murid asrama yang hendak keluar asrama selepas tamat peperiksaan utama hendaklah membayar 50% daripada yuran asrama November dan Disember (tiada makanan disediakan)</p> <p>11.7 Jika ada tunggakan yuran asrama, tindakan akan diambil sama seperti tunggakan yuran pengajian dan murid tidak dibenarkan tinggal di asrama sehingga tunggakan selesai dibayar.</p> <p>11.8 Yuran asrama masih perlu dibayar dalam tempoh cuti semester pelajar atau cuti-cuti umum yang lain. Pertimbangan untuk pemotongan yuran asrama sehingga 90% dari yuran sebenar boleh dibuat mengambilkira tempoh pelajar-pelajar tidak menduduki asrama dalam satu tempoh melebihi 20 hari secara berterusan.</p>
12	<p>Polisi di atas adalah tertakluk kepada perubahan yang akan dimaklumkan dari masa ke semasa.</p>